

9 bahagian lagi pilih Dr. Mahathir, Pak Lah

UM - 1 APR 2000

KUALA LUMPUR 31 Mac — Sembilan daripada 10 UMNO bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing sebagai Presiden dan Timbalan Presiden parti pada pemilihan Mei ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Kulim/Bandar Baharu (Kedah), Dungun (Terengganu), Kota Kinabalu dan Keningau (Sabah), serta Kubang Kerian, Kota Bharu,

Tumpat, Pengkalan Chepa dan Machang (Kelantan).

Keputusan itu menjadikan sebanyak 148 daripada 165 bahagian yang telah bermesyuarat mencalonkan Dr. Mahathir manakala 147 bahagian mencalonkan Abdullah bagi jawatan-jawatan berkenaan.

Satu lagi bahagian iaitu Gua Musang tidak membuat sebarang pencalonan bagi kesemua jawatan tertinggi parti.

Sebanyak 263 perwakilan UMNO bahagian itu menyerahkan kepada Ja-

watankuasa UMNO bahagian untuk membuat pencalonan tersebut.

Perdana Menteri telah pun berjaya mengekalkan jawatan sebagai Presiden tanpa bertanding apabila satu-satunya nama lain yang dicalonkan bagi jawatan yang sama iaitu Tengku Razaleigh Hamzah memperoleh satu pencalonan setakat ini.

Calonkan

Sementara itu, semua sembilan bahagian yang bermesyuarat hari ini turut mencalonkan Datuk

Seri Najib Tun Razak bagi jawatan Naib Presiden, menjadikannya mengumpul 136 pencalonan setakat ini.

Hari ini juga Tengku Razaleigh mendapat lima pencalonan bagi jawatan Naib Presiden, Datuk Abdul Ghani Othman (empat), Datuk Seri Osu Sukam (empat), Datuk Seri Abu Hassan Omar (dua), Tan Sri Muhammad Muhd. Taib (satu), Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad (satu), Datuk Dr. Rais Yatim (satu).

Keputusan hari ini me-

nyaksikan Tengku Razaleigh yang kini memperoleh 12 pencalonan, memerlukan lima lagi pencalonan untuk mencapai kelayakan minimum iaitu 17 pencalonan bagi membolehkannya bertanding jawatan Naib Presiden.

Sementara itu Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Pengkalan Chepa yang bermesyuarat hari ini mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz bagi jawatan Ketua Wanita dan Datuk Shahrizat Abdul Jalil bagi jawatan Naib Ketua.